



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**JURUTERA AIR DAERAH / JURUTERA KERJA (B.3)  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Kerja Raya**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. JURUTERA AIR DAERAH / JURUTERA KERJA  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Kimia / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Struktur atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**DAN**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya sebagai Jurutera / Jurutera Awam atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tangga gaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
3. Menjadi Ahli *Institution of Civil Engineers (United Kingdom)*, *Institution of Mechanical Engineers*, *Institution of Water and Environmental Management* atau Institusi-Institusi Professional yang berkenaan dan diiktiraf.
4. Mempunyai pengalaman seperti berikut adalah kelebihan:
- i) Pengalaman dalam kerja-kerja air kawasan bandar.
  - ii) Sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman yang berkaitan dengan pembahagian.
  - iii) Pengetahuan dalam kerja stesen pam air.
  - iv) Pengalaman dalam kerja-kerja penapisan air.
  - v) Berminat dalam kimia dan
  - vi) Berminat dalam kaji hayat air.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

### **JABATAN PERKHIDMATAN AIR**

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera Air Kanan, Penolong Pengarah Perkhidmatan Air dan Pengarah Perkhidmatan Air.
2. Bertanggungjawab dalam mengurus perjalanan operasi dan pemeliharaan bekalan air bagi Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong di mana-mana unit utama Jabatan ini yang akan ditugaskan.
3. Merancang dan membuat persediaan peruntukan bagi projek-projek RKN dan OCAR.
4. Mempastikan supaya perlaksanakan mana-mana projek dirancang, disusun dan dilaksanakan dengan baik dan lancar.
5. Membantu menyelesaikan mana-mana masalah teknikal yang berkaitan dengan pembekalan air dan pengurusan projek.
6. Menyelaraskan dengan bahagian dan unit-unit di dalam Jabatan bagi kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan serta perancangan dan perkembangan.
7. Menyelaraskan dengan Jabatan dan Kementerian lain yang berkaitan dengan pembekalan air.
8. Bersedia membuat apa-apa jua tugas dan laporan dari pihak atasan jika diperlukan.



## Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



**SIJIL** Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN (MKPK)** bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ("*field*") seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ("*field*"), sila tekan tanda "+*add*" / "tambah" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



	Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
	BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	Field			
	BUSINESS ADMINISTRATION			
	<a href="#">+ Add</a>			

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.
- ✓ Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

### My Profile

#### Working Experience

**Public and Ex-Government Employee**

**Current Government Employee**

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office